

TEKS UCAPAN

**Y.A.B. DATUK SRI AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

SEMPENA

**MAJLIS PECAH TANAH DAN DAN PELANCARAN PROJEK
LOJI JANAKUASA 120MW BAHARU DI LABUAN**

**TAPAK PROJEK, KAWASAN PERINDUSTRIAN RANCHA-RANCHA,
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

PADA

ISNIN, 26 JANUARI 2026

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

- **Yang Berhormat Datuk Technologist Mustapha Sakmud
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak)**
- **Yang Berhormat Datuk Lo Su Fui
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)**
- **Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli
Ketua Setiausaha, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)**
- **Yang Berhormat Datuk Indera Dr Suhaili bin Abdul Rahman
Ahli Parlimen Labuan**
- **Yang Berbahagia Datuk Haji Bacho Pulong
Naib Presiden Kanan Pengurusan Petroleum Malaysia**
- **Yang Berusaha Encik Abdul Aziz Othman,
Pengerusi Ranche Power Sdn Bhd**

- **Para tetamu kehormat, rakan-rakan industri, serta hadirin yang saya hormati sekalian**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, maka kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini, sempena **Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran Projek Loji Janakuasa 120 Megawatt Rancha Power di Wilayah Persekutuan Labuan.**

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Rancha Power Sdn. Bhd.**, syarikat usaha sama strategik yang diterajui oleh **PG Energia Sdn. Bhd., SEC Power Sdn. Bhd. dan Sustainable Power Sdn. Bhd.** atas komitmen pelaburan, kepakaran teknikal serta keyakinan berterusan terhadap hala tuju sektor tenaga negara melalui pembangunan projek loji janakuasa ini.

3. Majlis hari ini bukan sekadar simbolik kepada permulaan sebuah projek loji janakuasa, tetapi merupakan **penzahiran komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memastikan keselamatan tenaga, kebolehpercayaan sistem bekalan elektrik dan kemampanan jangka panjang**, khususnya bagi wilayah strategik seperti **Wilayah Persekutuan Labuan.**

Hadirin sekalian,

4. **Dasar tenaga negara** berpaksikan kepada tiga teras utama, iaitu **keselamatan bekalan, kemampunan alam sekitar, dan keterjangkauan kos kepada pengguna**, menjadi asas kepada perancangan serta pelaksanaan pembangunan sektor tenaga negara termasuk **sasaran sifar pelepasan karbon seawal tahun 2050**. Kerajaan juga sedang melaksanakan pengukuhan sektor tenaga melalui pelbagai inisiatif, termasuk **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR)**.

5. Dalam perjalanan menuju sifar karbon umpamanya, Kerajaan mengambil pendekatan **“*transition, not disruption*”** iaitu **peralihan secara berfasa dan tersusun, bukan secara mendadak yang mengganggu**. Ini bermakna sumber tenaga konvensional yang lebih bersih dan cekap, seperti gas asli dan loji berkecekapan tinggi, masih memainkan peranan penting sebagai **penyokong kestabilan sistem**, sementara tenaga boleh baharu terus diperkasa.

6. Oleh itu, pembangunan loji janakuasa baharu ini perlu dilihat dalam kerangka tersebut iaitu sebagai **infrastruktur peralihan** yang memastikan kebolehpercayaan sistem tenaga, sambil memberi ruang kepada peningkatan integrasi tenaga boleh baharu pada masa hadapan.

7. Dalam konteks ini, Kerajaan melihat tenaga sebagai **aset strategik nasional** yang menjadi pemangkin **kepada kestabilan ekonomi, keyakinan pelabur dan kesejahteraan rakyat**. Tanpa bekalan tenaga yang stabil, cekap dan berdaya tahan, sebarang agenda pembangunan sama ada dalam sektor kewangan, industri mahupun sosial tidak dapat direalisasikan secara mampan.

Para hadirin sekalian,

8. Dalam konteks global yang berdepan dengan ketidaktentuan geopolitik, volatiliti pasaran tenaga dan tekanan peralihan tenaga, **keupayaan sesebuah wilayah menjamin kecukupan dan kebolehpercayaan bekalan tenaga menjadi penentu utama daya saing ekonomi.** Bagi Labuan, yang berfungsi sebagai pusat kewangan antarabangsa dan hab perniagaan persisiran, keperluan ini adalah lebih kritikal dan strategik.

9. Dalam hal ini, Malaysia perlu memainkan peranan aktif dalam kerjasama tenaga serantau dan antarabangsa bagi memperkukuhkan daya tahan tenaga dalam menghadapi risiko tersebut. Salah satu inisiatif utama ialah **Grid Tenaga ASEAN (APG)** yang bertujuan menghubungkan sistem elektrik antara negara anggota ASEAN bagi membolehkan perdagangan elektrik rentas sempadan, pengoptimuman sumber dan peningkatan keselamatan tenaga serantau.

10. Wilayah Persekutuan Labuan, dengan kedudukan strategiknya, berpotensi memainkan peranan penting sebagai **nod tenaga dan logistik** dalam ekosistem tenaga serantau ini. Justeru, saya melihat pengukuhan infrastruktur tenaga di Labuan adalah langkah strategik yang menyokong agenda nasional dan serantau secara serentak.

11. Saya percaya, pembangunan loji janakuasa baharu ini adalah berasaskan **analisis teknikal dan perancangan sistem yang**

menyeluruh, mengambil kira penuaan aset janakuasa sedia ada yang telah beroperasi sejak awal 1980-an, serta unjuran peningkatan permintaan tenaga bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, aktiviti industri dan keperluan komuniti setempat.

12. Projek ini mencerminkan **pendekatan Kerajaan yang pragmatik dan bertanggungjawab dalam penggubalan perancangan jangka panjang sektor tenaga**, dengan penekanan kepada kebolehpercayaan sistem, kecekapan operasi dan daya tahan infrastruktur. Ia selari dengan usaha Kerajaan memastikan sistem tenaga negara kekal stabil walaupun berdepan perubahan struktur permintaan dan cabaran peralihan tenaga.

13. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa menegaskan bahawa **pembangunan infrastruktur tenaga mesti seimbang antara keperluan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kepentingan komuniti setempat**. Pendekatan ini adalah teras kepada aspirasi **Malaysia MADANI**, yang menuntut pembangunan berasaskan nilai, tadbir urus berintegriti serta manfaat yang inklusif kepada rakyat.

Para hadirin sekalian,

14. Kerajaan melalui **Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)** akan terus memastikan bahawa setiap projek tenaga dilaksanakan secara **teratur, berfasa dan berasaskan tadbir urus yang kukuh**, dengan pematuhan penuh kepada dasar, peraturan serta standard keselamatan dan alam sekitar yang ditetapkan. Ini adalah jaminan Kerajaan kepada pelabur, pengguna dan rakyat keseluruhannya.

15. Saya yakin bahawa dengan **sokongan padu** Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Labuan serta kerjasama erat semua pihak berkepentingan, projek loji janakuasa ini akan menjadi pemangkin kepada pengukuhan sistem tenaga di Labuan dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi wilayah ini secara mampan dan berdaya saing.

16. Akhir sekali, kepada pemaju projek, besarlah harapan saya agar pembangunan loji janakuasa ini dilaksanakan dengan **kecekapan, akauntabiliti dan integriti yang tinggi**, agar manfaatnya dapat dinikmati oleh rakyat hari ini serta diwarisi oleh generasi masa hadapan.

17. Dengan lafaz kalimah suci, **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan penuh takzim dan sukacita **merasmikan Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran Projek Loji Janakuasa 120 Megawatt di Wilayah Persekutuan Labuan**.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Terima kasih